



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**JURULATIH SUKAN (B.2 EB.3 / B.2)
BAHAGIAN PENDIDIKAN MENENGAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



1. JURULATIH SUKAN
BAHAGIAN PENDIDIKAN MENENGAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)
B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)
KEKOSONGAN = EMPAT (04)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) **TANGGA GAJI B.2 EB.3:**

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Physical Education / Physical Education and Sport / Sport Coaching / Sport and Recreation / Sport Science* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

b) **TANGGA GAJI B.2:**

i) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam *Physical Education / Physical Education and Sport / Sport Coaching / Sport and Recreation / Sport Science* atau bidang bersesuaian **dan** telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

ii) Telah berkhidmat di Kementerian Pendidikan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

ATAU

iii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengetuai Kejurulatihan dan pembangunan sukan di Sekolah Sukan dan menjadi jurulatih sukan untuk mana-mana jenis sukan yang ditugaskan bagi penuntut-penuntut di Sekolah Sukan;
2. Merancang, melaksana dan menyelaras apa-apa jua projek dan perkembangan sukan di Sekolah Sukan;
3. Memberikan khidmat kepakaran dan kejurulatihan sukan kepada Penolong Jurulatih Sukan mengenai hal-hal kesukaran dan kejurulatihan untuk meningkatkan khidmat kepakaran kejurulatihan sukan;
4. Mengenalpasti serta merancang latihan-latihan yang difikirkan layak untuk Penolong Jurulatih Sukan untuk perkembangan sumber tenaga manusia yang berkaitan dengan sukan dan kejurulatihan;
5. Menyusun dan menyediakan program kejurulatihan dan mengerah tenaga Jurulatih dan Penolong Jurulatih Sukan bagi memajukan program dan bahagian sukan di Sekolah Sukan;
6. Menyelaras dan melaksanakan kejohanan-kejohanan sukan untuk meningkat minat dan prestasi di kalangan penuntut;
7. Membawa dan mencapai prestasi sukan penuntut-penuntut di arena sukan dalam negeri dan antarabangsa;
8. Bertanggungjawab dalam penyediaan skim latihan dan penilaian bagi pencapaian penuntut-penuntut dalam sukan;
9. Membentuk apa-apa jua pendekatan bagi melihat secara berterusan perkembangan dan prestasi penuntut-penuntut dalam bidang sukan mereka dan seterusnya mereka bentuk beberapa pendekatan dan strategi lain sebagai salah satu usaha peningkatan dan pemberian;
10. Membentuk, merancang dan melaksanakan apa-apa jua program untuk mengenalpasti para pelajar dan ahli-ahli sukan yang berbakat dan berpotensi;
11. Membuat penganalisaan terhadap prestasi dan latihan sukan bagi memperbaiki dan meningkatkan tahap kecekapan sukan bagi penuntut. Ini termasuk pemantauan kecekapan penuntut, latihan yang diberikan serta tahap kecekapan kejurulatihan;



12. Menyediakan rancangan kerja tahunan, anggaran peruntukan dan laporan-laporan;
13. Terlibat sebagai Jawatankuasa dalam apa-apa jua aktiviti / program / acara / pertandingan dan latihan sukan di Sekolah Sukan;
14. Bersedia bertugas di luar waktu pejabat dan hari-hari kelepasan awam termasuk Jumaat dan Ahad; dan
15. Melaksanakan tuags-tugas yang diarahkan oleh Pengetua dan Timbalan Pengetua Sekolah Sukan dari semasa ke semasa.



Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian II

Sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah **lengkap dan di muat naik** ke dalam Profil awda sebelum menekan butang ‘**Apply**’;



Kad pengenalan dan Lesen Memandu (Jika berkenaan).


	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	Kad Pengenalan.pdf
	2016	2016	25/8/2016	Lesen Memandu.pdf



SIJIL Degree (Ijazah Sarjana Muda) serta **KELULUSAN TRANSKRIP** yang dikehendaki oleh Skim Iklan dan **PENGESAHAN PENGIFTIRAFAN KELULUSAN** (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	PHD.pdf
	2016	2016	25/8/2016	MASTER.pdf
	2016	2016	25/8/2016	DEGREE.pdf
	2016	2016	25/8/2016	HND.pdf
	2016	2016	25/8/2016	HNC.pdf
	2016	2016	25/8/2016	ND.pdf

Hendaklah ada maklumat bidang kelulusan (“*field*”) seperti contoh Business Administration di ruangan yang tersembunyi dengan menekan tanda “+” di sebelah kiri diruangan Bachelor of Arts. jika sekiranya belum diisikan maklumat bidang (“*field*”), sila tekan tanda “+add”/”tambah” dibawah kelulusan tersebut dan seterusnya menaip bidang awda seperti contoh Business Administration, Employment Relation dan sebagainya.



		Title of Examination	University/College	Result of Examination	Upload File
		BACHELOR OF ARTS	Universiti Brunei Darussalam	PASS	DEGREE.pdf
		Field			
		BUSINESS ADMINISTRATION			
		+ Add			

- Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, memastikan mempunyai pengalaman sepetimana kehendak skim dan seterusnya memastikan **SIJIL Kelulusan Tertinggi** yang diperolehi berserta **KELULUSAN TRANSCRIPT** (jika berkenaan) dan **PENGESAHAN PENGIFTIRAFAN** kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.
- Bagi pemohon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan "*Current Government Employee*" / "Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam". Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).

My Profile

Working Experience

Public and Ex-Government Employee



Current Government Employee



	Start Date	To Date	Name And Address of Employer
	01/02/2015		PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office
	01/02/2015	31/01/2016	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office
	01/02/2014	31/01/2015	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office